

PENILAIAN IMPAK PROGRAM PENDIDIKAN KEWANGAN DALAM KALANGAN PESERTA PROGRAM BIJAK WANG

Nornadia Liz Zakaria
Mohamad Fazli Sabri
Husniyah Abd. Rahim

Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna,
Fakulti Ekologi Manusia,
Universiti Putra Malaysia

Pengenalan

Perkembangan ekonomi semasa yang menyaksikan peningkatan kos sara hidup menyebabkan pendidikan kewangan lebih diperlukan untuk *survival* pengguna. Penyertaan dan penglibatan pengguna dalam pasaran kewangan secara efektif boleh meningkatkan kesejahteraan ekonomi individu itu sendiri. Oleh itu, pendidikan kewangan merupakan kunci supaya masyarakat mendapat faedah daripada sistem kewangan dan teknologi terbaharu yang boleh mengubah lanskap kewangan. Ia akan membantu pengguna untuk lebih memahami risiko yang terlibat dalam menguruskan kewangan dan akan memudahkan mereka dalam membuat keputusan kewangan yang lebih baik. Oleh itu, untuk membina satu generasi yang mampu mengurus kewangan secara cekap dan berhemah, hal ini harus bermula padai peringkat awal.

Pembuatan keputusan kewangan amat penting dalam menjamin kesejahteraan hidup seseorang individu, terutama dalam era kewangan masa kini yang semakin kompleks dengan pelbagai penawaran instrumen kewangan yang bersifat serba canggih dan berteknologi tinggi. Salah satu faktor penting yang dikenal pasti mampu mempengaruhi pembuatan keputusan kewangan seseorang individu ialah pengetahuan dan tingkah laku kewangan. Bernheim (1995, 1998) adalah antara pengkaji awal yang membuktikan bahawa pengetahuan kewangan penting dalam pembuatan keputusan oleh isi rumah. Pengkaji lain juga mendapati bahawa literasi kewangan boleh mempengaruhi pembuat keputusan kewangan penting, termasuklah pengurusan hutang (Brown & Graf, 2013), keputusan untuk menabung dan meminjam, membuat bajet dan perancangan kewangan seperti rancangan persaraan (Dvorak & Hanley, 2010; van Rooij, Lusardi & Alessie, 2011), keputusan pelaburan (van Rooij *et al.*, 2011), dan keputusan pembiayaan (Chatterjee, 2013).

Isu peningkatan hutang isi rumah telah menjadi satu fenomena yang semakin membimbangkan di kebanyakan negara di dunia masa kini. Di Malaysia, isu hutang dalam kalangan remaja dan belia juga sangat berkaitan dengan laporan daripada pihak Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang merupakan sebuah badan kewangan bagi mengeluarkan pinjaman kepada pelajar dalam pelbagai jurusan dan peringkat pengajian. Sejak ditubuhkan sehingga 31 Januari 2017, PTPTN telah mengeluarkan wang sebanyak RM48.7 bilion kepada lebih 1.3 juta peminjam. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM7.9 bilion perlu dikutip daripada kira-kira 600,000 peminjam yang masih belum melunaskan bayaran pinjaman (*Bernama Online*, 2017). Senario yang dinyatakan memberi gambaran bahawa kurangnya pengetahuan dan kemahiran pengurusan kewangan dalam kalangan pengguna muda yang akhirnya membawa kepada masalah keberhutangan. Hal ini selari dengan dapatan daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) iaitu sebuah agensi di bawah Bank Negara Malaysia (BNM) yang bertanggungjawab dalam urusan pengurusan kredit dan pengurusan kewangan, yang menyatakan bahawa faktor peningkatan jumlah hutang isi rumah ialah kurangnya pengetahuan dalam pengurusan kewangan peribadi.

Selain itu, Malaysia juga tidak terkecuali daripada menghadapi masalah kebangkrutan, iaitu sejumlah 85,338 rakyat Malaysia diisytiharkan bankrap dalam tempoh lima tahun sejak 2013 hingga Februari 2016, dengan suku daripada jumlah itu membabitkan golongan muda berusia 34 tahun ke bawah (*Berita Harian Online*, 2017). Hal ini amat membimbangkan kerana golongan muda merupakan aset penting dalam membangunkan negara. Walau bagaimanapun, hal ini mampu diatasi jika seseorang individu mempunyai kemahiran pengurusan kewangan yang baik. Ini kerana kehidupan kini yang serba maju dan moden memaksa golongan muda untuk sentiasa membuat keputusan dalam hal kewangan yang semakin kompleks bagi mengelakkan masalah kewangan membelenggu kehidupan (Hunter, 2004). Seseorang yang mempunyai kemahiran menguruskan kewangan dengan baik bukan sahaja memberi kebaikan secara terus kepada mereka, bahkan mereka memberi pengaruh yang kuat kepada pasaran kerana mereka cekap dalam mengendalikan segala senario yang berlaku dalam pasaran (Meza, Irlenbusch, & Reyniers, 2008).

Golongan kanak-kanak juga tidak terkecuali daripada bertanggungjawab menguruskan kewangan mereka sendiri. Walaupun sumber kewangan mereka amat terhad kerana kebanyakan sumber wang adalah daripada ibu bapa, namun kemahiran mereka menguruskan wang yang ada perlu diberi perhatian. Kanak-kanak perlu bijak menguruskan perbelanjaan wang saku yang diterima kerana cara mereka berbelanja boleh mempengaruhi pengurusan kewangan mereka apabila dewasa kelak. Kajian lepas

menunjukkan bahawa pengalaman menguruskan kewangan pada zaman kanak-kanak mempunyai perkaitan positif dengan amalan kewangan yang baik apabila dewasa (Mohd. Fazli, MacDonald, Hira & Masud, 2010; Kim & Chatterjee, 2013).

Matlamat pendidikan kewangan adalah untuk meningkatkan pengetahuan kewangan peribadi dan menggalakkan tingkah laku kewangan yang lebih baik. Bernheim, Garrett, dan Maki (2001) telah menjalankan kajian berkaitan impak program pendidikan kewangan kepada pelajar sekolah dan hasil kajian tersebut mendapati bahawa para pelajar yang terdedah dengan pengetahuan dan kemahiran pengurusan kewangan dapat membuat penjimatan terhadap wang saku yang diterima daripada ibu bapa. Tabiat dan amalan dalam perbelanjaan, simpanan dan pengetahuan kewangan yang diterapkan sejak kecil mampu membentuk kanak-kanak menjadi pengurus kewangan yang baik apabila dewasa (Holden, Kalish, Scheinholtz, Dietrich, & Novak, 2009, Mohd. Fazli, MacDonald, & Masud, 2012). Menurut Garman dan Forge (2005) kanak-kanak yang dididik dengan pengurusan kewangan yang baik sejak kecil, didapati tidak mempunyai masalah dalam menguruskan kewangan mereka pada masa hadapan. Namun begitu, tidak banyak kajian yang mengkaji kemampuan pengurusan kewangan dalam kalangan kanak-kanak di Malaysia. Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh mana impak program kewangan yang dilakukan terhadap kanak-kanak dari segi pengetahuan, tingkah laku dan kompetensi kewangan.

Program pendidikan “Bijak Wang” ialah bengkel interaktif berkaitan pengurusan wang yang disasarkan kepada kanak-kanak yang berumur sembilan hingga 12 tahun. Program inovatif ini dibangunkan sebagai alat pembelajaran dan pengajaran alternatif untuk kanak-kanak mendapatkan pengetahuan dan kemahiran dalam pengurusan kewangan. Memupuk pengetahuan dan kemahiran pengurusan kewangan akan memberi kesan kepada kanak-kanak secara positif dalam mengurus kewangan mereka dengan lebih baik pada masa akan datang. Program pendidikan “Bijak Wang” ini berkonsepkan pembelajaran melalui permainan. Papastergiou (2009) mendapati bahawa peserta yang didedahkan dengan kaedah pembelajaran berasaskan permainan akan lebih aktif dan mempunyai minat yang lebih tinggi untuk mempelajarinya. Begitu juga, Tsai, Yu, dan Hsiao (2012) menyatakan bahawa permainan membolehkan kanak-kanak meneroka, menemui, meluahkan perasaan dan belajar dengan seronok. Hal ini disokong oleh Roussou (2004) yang menyatakan bahawa peserta dalam program dapat membina pengetahuan dan menguji minda yang berasaskan pengetahuan dan pengalaman terdahulu dan mengintegrasikan pengetahuan baharu dengan pembinaan intelektual yang sedia ada.

Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menilai impak terhadap program pendidikan dari aspek literasi kewangan, tingkah laku kewangan dan kompetensi kewangan terhadap peserta yang menyertai Program “Bijak Wang”.

Tinjauan Literatur

Literasi kewangan

Literasi kewangan ialah pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk mengendalikan cabaran kewangan serta membuat keputusan mengenai kewangan dalam kehidupan seharian (Sohn, Joo, Grable, Lee, & Kim, 2012). Menurut kajian yang lepas, tahap pengetahuan mengenai kewangan merupakan isu yang penting dalam tingkah laku pengurusan kewangan. Hal ini kerana kekurangan pengetahuan mengenai kewangan boleh menjurus ke arah bebanan hutang (Norvilitis, Merwin, Osberg, Roehling, Young, & Kamas, 2006). Tambahan, ilmu kewangan boleh mempengaruhi keupayaan seseorang dalam membuat keputusan yang positif mengenai kewangan pada sepanjang hidup mereka (Jorgensen & Savla, 2010). Ini kerana menurut Norvilitis *et al.* (2006), individu yang berpengetahuan mempunyai kurang kecenderungan ke arah bebanan hutang kerana berasa bertanggungjawab terhadap status kewangannya.

Kualiti pendidikan pengurusan kewangan adalah salah satu aspek yang perlu diberi perhatian bagi mengukur tahap literasi kewangan yang dikatakan menjadi punca permasalahan kewangan yang berlaku, termasuklah mufis (Nor Syahidah & Norasmah, 2017). Dapatan kajian Nor Syahidah dan Nirasmah (2017) mendapati literasi kewangan adalah pada tahap yang tinggi. Kajian ini mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara kualiti pendidikan pengurusan kewangan dengan tahap literasi kewangan. Hal ini bermaksud bahawa pendidikan yang sewajarnya mampu meningkatkan tahap literasi kewangan.

Tingkah laku kewangan

Kajian lepas mendapati bahawa amalan menyimpan ibu bapa mempengaruhi amalan menyimpan kanak-kanak (Friedline, 2012; Pritchard, Myers, & Cassidy, 1989). Di samping itu, kanak-kanak yang mempunyai amalan menyimpan yang disertai dengan persepsi yang positif tentang kebaikan menyimpan mampu meningkatkan amalan menyimpan dalam diri kanak-kanak (Elliot, 2012). Kajian Kim dan Chatterjee (2013) juga membuktikan

bahawa individu yang mempunyai akaun simpanan sejak kecil mempunyai amalan kewangan yang baik apabila meningkat dewasa.

Kajian Kim dan Chatterjee (2013) membuktikan bahawa individu yang mempunyai akaun simpanan sejak kecil mempunyai amalan kewangan yang baik apabila meningkat dewasa. Hal ini menunjukkan bahawa tingkah laku menyimpan yang diterapkan sejak kecil memberi kesan yang positif apabila dewasa kelak.

Menurut kajian Oyewole, Peng, dan Choudhury (2010), kanak-kanak merupakan pengaruh yang penting dalam proses pembelian pada masa kini. Kanak-kanak juga boleh mempengaruhi keputusan pembelian keluarga mereka sama ada secara langsung mahupun tidak langsung (Ali, Batra, Ravichandran, Zuhair, & Rehman, 2012). Kajian Dotson dan Hyatt (2005) menyatakan bahawa peningkatan besar dalam perbelanjaan oleh kanak-kanak menjadi salah satu ciri negara maju, seperti di Amerika Syarikat. Sejak tiga dekad yang lalu, kanak-kanak di negara luar mempunyai kuasa membeli dan telah menggunakan wang perbelanjaan mereka sendiri dan keadaan ini semakin meningkat apabila memasuki tahun 1990-an.

Kompetensi kewangan

Menurut Teori Kitar Hayat Keluarga (McGoldrick & Carter, 1999), salah satu kunci utama dalam peralihan usia kanak-kanak ke peringkat seterusnya adalah dari segi peningkatan kebebasan menguruskan kewangan. Pembentukan kebebasan kewangan biasanya dikaitkan dengan peningkatan pemerolehan kemahiran dan sumber kewangan, termasuklah dari segi pendidikan, pekerjaan, mempunyai simpanan atau aset. Golongan muda kebiasaannya akan menampung keperluan diri apabila meningkat dewasa dan menjadikan kemahiran menguruskan kewangan sebagai salah satu kriteria utama untuk menjadi orang dewasa (Arnett, 2000). Namun begitu, proses bagaimana individu memperoleh kemahiran dan sumber dalam menguruskan kewangan masih belum diterokai sepenuhnya dan tidak diberi fokus secara jelas lagi (Shim, Xiao, Barber, & Lyons, 2009). Ini kerana, dengan memahami bagaimana individu melalui proses pemerolehan kemahiran tentang kewangan dapat menentukan bagaimana individu menguruskan kewangannya pada masa hadapan.

Kompeten dalam menguruskan kewangan adalah penting kerana ia dapat menggalakkan penglibatan sosial dan meningkatkan kesejahteraan dan kestabilan negara (Roy Morgan Research, 2003). Beberapa faktor demografi telah dikaitkan dengan pembentukan kompetensi kewangan dalam kalangan kanak-kanak. Jantina dan etnik didapati mempengaruhi pembentukan kemahiran dan kompetensi kewangan dan pemahaman tentang konsep-

konsep ekonomi. Kanak-kanak perempuan dan remaja lebih cenderung untuk mudah menerima pendidikan yang berorientasikan kepenggunaan daripada ibu bapa (Allen, Edwards, Hayhoe, & Leach, 2008).

Di Malaysia, kajian empirikal mengenai kompetensi kewangan dalam kalangan kanak-kanak masih lagi terhad. Namun begitu, kajian kewangan dalam kalangan kanak-kanak menjadi perhatian para penyelidik di negara Barat untuk mengkaji hal ini dengan lebih terperinci. Sebagai contoh, kajian Johnson dan Sherraden (2006) ke atas kanak-kanak sekolah rendah yang berumur tujuh hingga 10 tahun tentang pengurusan kewangan. Dalam kajian tersebut, pengkaji ingin mengenal pasti keberkesanan program kewangan ke atas pengetahuan kanak-kanak. Hasil kajian menunjukkan bahawa kanak-kanak yang terlibat dengan program pendidikan kewangan mempunyai tahap pengetahuan kewangan yang lebih tinggi berbanding dengan kanak-kanak yang lain.

Pendidikan kewangan

Pendidikan kewangan boleh didefinisikan sebagai menyertakan sebarang program yang membincangkan tentang pengetahuan, sikap dan tingkah laku seseorang individu ke arah topik kewangan dan konsep-konsep kewangan (Fox, Bartholomae, & Lee, 2005). Definisi sewajarnya merujuk kepada motivasi tingkah laku yang menarik untuk pendidikan kewangan bagi membolehkan seseorang membuat keputusan kewangan dengan berkesan. Bagi mencapai matlamat, program pendidikan berhasrat untuk meningkatkan pengetahuan dalam tingkah laku kewangan dengan program-program pendidikan kewangan secara umumnya kepada tiga jenis, iaitu pendidikan yang menawarkan pendidikan kewangan yang luas kepada simpanan, belanjawan, pelaburan, pengurusan kredit, pendidikan mengenai persaraan dan simpanan dan pendidikan mengenai pengurusan aset (Fox *et al.* 2005).

Impak program pendidikan kewangan

Kajian lepas telah memberi gambaran keseluruhan berkaitan program dan inisiatif pendidikan kewangan, termasuk kumpulan dan organisasi yang menawarkan program, mata pelajaran yang akan dipelajari, kaedah penyampaian dalam program dan populasi yang disasarkan (Braunstein & Welch 2002; Fox, Bartholomae, & Lee 2005; Hilgert, Hogarth & Beverly 2003; Hogarth 2002; National Endowment for Pendidikan Kewangan 2002). Kebanyakan kajian yang mengkaji kesan pendidikan kewangan memberi tumpuan untuk menilai program secara individu yang menyasarkan populasi tertentu seperti kanak-kanak, remaja, pekerja, pelanggan kaunseling kewangan dan keluarga berpendapatan rendah (Anderson, Zhan, & Scott

2004; Bernheim & Garrett 2003; Bernheim, Garrett, & Maki 2001; Boyce & Denmark 1999; Clancy, Grinstein-Weiss, & Schreiner 2001; Garman *et al.*, 1999; Hirad & Zorn, 2001; Kim & Garman, 2003; Lyons, Chang, & Scherpf, 2005; Lyons & Scherpf, 2004; Schreiner, Clancy, & Sherradan, 2002; Staten, Elliehausen, & Lundquist, 2002; Thaler & Bernatzi, 2001).

Pemahaman umum dalam menilai program adalah bahawa pendidikan kewangan secara positif memberi kesan kepada tingkah laku, pengetahuan dan hasil kewangan yang lain, iaitu kompetensi kewangan. Namun, hasil daripada program yang dilakukan adalah berbeza-beza mengikut apa-apa yang diukur dan bagaimana diukur. Mengukur keberkesanan program pendidikan kewangan bukan perkara yang mudah. Terdapat sedikit perbezaan pendapat dalam profesion kepada langkah-langkah pengukuran hasil yang perlu digunakan (Lyons *et al.*, 2003). Pengukuran hasil yang digunakan adalah berbeza-beza mengikut program dan inisiatif, daripada tahap penyertaan program kepada perubahan dalam pengetahuan dan tingkah laku dan berakhir dengan kompetensi. Pengukuran kesan dan impak program telah merangkumkan kadar simpanan, tahap hutang, pengumpulan harta, kadar kebankrapan, skor kredit, strategi pelaburan, perbankan, pemilikan dan penyertaan dalam pelan simpanan persaraan (Bernheim & Garrett, 2003; Bernheim, Garrett, & Maki 2001; Boyce & Denmark, 1999; Clancy, Grinstein-Weiss, & Schreiner, 2001; Garman *et al.*, 1999; Hirad & Zorn, 2001; Kim & Garman, 2003; Lyons, Chang, & Scherpf, 2005; Lyons & Scherpf, 2004; Staten, Elliehausen, & Lundquist, 2002; Thaler & Bernatzi, 2001). Pengukuran subjektif pula memberi tumpuan pada perubahan dalam tahap kepuasan peserta, kompetensi kewangan peserta, keyakinan diri, sikap dan tingkah laku (Boyce & Denmark 1999; Garman *et al.*, 1999; Kim & Garman, 2003; Lyons, Chang, & Scherpf 2005; Lyons & Scherpf, 2004).

Keberkesanan dalam penilaian program adalah mengenal pasti sama ada peserta program mencapai hasil pembelajaran yang ditetapkan seperti yang berkaitan dengan pengetahuan, kemahiran dan tingkah laku. Satu kajian oleh Collins, Batty, dan White (2013) adalah tentang impak program pendidikan kewangan di sekolah. Pendidikan kewangan dikaitkan dengan peningkatan sikap dan tingkah laku pelajar yang positif. Penemuan ini memberikan bukti bahawa melakukan program pendidikan kewangan kepada pelajar sekolah rendah amat digalakkan. Kajian ini menyumbang kepada asas penyelidikan dengan menunjukkan bahawa percubaan lapangan dapat dilaksanakan. Sekolah rendah boleh menjadi konteks yang sesuai untuk menyasarkan program pendidikan kewangan. Hal ini kerana mekanisme yang paling berkesan untuk meningkatkan keupayaan kewangan adalah bermula dari awal.

Metodologi

Persampelan

Responden kajian ini terdiri daripada pelajar sekolah rendah yang berumur dalam lingkungan sembilan hingga 12 tahun yang menetap di kawasan Taman Sri Serdang. Penglibatan para peserta adalah secara suka rela dan program ini berlangsung selama tiga bulan. Lokasi ini dipilih kerana lokasinya yang mudah untuk ditadbir dan kedudukannya yang sistematik, iaitu di kawasan bandar. Melalui persampelan rawak, seramai 31 orang responden diberikan borang soal selidik yang ditadbir sendiri oleh mereka. Reka bentuk yang digunakan dalam kajian adalah kuasi-eksperimen dan *Nonequivalent Control Group Design* (NEGD). NEGD bertujuan untuk mengenal pasti perbezaan antara fasa yang diukur semasa praujian dan pasca ujian. Kaedah perbandingan ini digunakan untuk mengukur tahap kefahaman peserta sebelum dan selepas program dijalankan selama tiga bulan. Pengumpulan data telah dijalankan dalam dua fasa, iaitu disebut sebagai praujian (sebelum program dijalankan) dan pasca ujian (selepas program dijalankan). Pengumpulan data bagi pra-ujian telah dijalankan pada bulan Disember 2016. Tiga bulan kemudian, pengumpulan data untuk pasca ujian telah dijalankan sekitar Februari 2017 dan responden yang digunakan adalah sama, iaitu peserta yang menyertai program. Data dianalisis menggunakan *Program Statical Package for the Social Science* (SPSS).

Instrumen kajian

Bagi mengetahui tentang keberkesanan program pendidikan kewangan yang dijalankan, borang soal selidik telah digunakan sebagai instrumen kajian. Borang soal selidik dikemukakan kepada peserta ataupun responden. Borang soal selidik terdiri daripada empat bahagian iaitu latar belakang responden, literasi kewangan, tingkahlaku kewangan dan kompetensi kewangan. Bahagian pertama, iaitu latar belakang responden mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan demografi responden seperti umur, jantina, kedudukan dalam keluarga, pendapatan ibu dan bapa, pendidikan ibu dan bapa dan penjaga utama. Bahagian kedua, iaitu bahagian literasi kewangan mempunyai 28 soalan berkenaan pengetahuan am mengenai kewangan dengan respon “Salah” dan “Betul”. Pengukuran literasi kewangan digunakan hasil adaptasi daripada kajian Alya, Mohd. Fazli, dan Ahmad Hariza (2015) yang kemudian diubah suai mengikut tahap kesesuaian responden kajian, iaitu kanak-kanak. Berdasarkan kaedah *cut of point*, skor bagi literasi kewangan dijumlahkan bagi memperoleh jumlah skor dan telah dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu skor tahap rendah (<9), skor tahap sederhana (10-19) dan skor tahap tinggi (>15).

Bahagian ketiga pula berkenaan tingkah laku kewangan yang mempunyai 17 soalan dan diuji dalam bentuk skala, iaitu responden hendaklah menjawab mengikut skala yang diberi iaitu “1- Sangat tidak setuju hingga ke skala 5- Sangat Setuju”. Item dalam bahagian ini diadaptasi daripada kajian Otto (2012) dan Koh dan Lee (2010) yang kemudian diubah suai mengikut tahap kesesuaian responden kajian ini. Tingkah laku kewangan dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu tahap rendah (<11), tahap sederhana (12-23) dan tahap tinggi (>24). Soalan-soalan yang ditanya adalah “Saya merancang perbelanjaan saya.”, “Berbincang dengan ibu bapa sebelum membuat sebarang pembelian.”, “Membuat perbandingan harga sebelum membuat pembelian.”, “Menyimpan resit pembelian.” dan “Membantu ibu bapa atau melakukan kerja sambil untuk mendapatkan wang.” Bahagian akhir soalan uji kaji adalah berkaitan kompetensi kewangan yang mempunyai 10 soalan yang akan diuji dengan menggunakan skala “1- Sangat tidak setuju”, “2- Tidak setuju”, “3-Neutral”, “4-Setuju” dan “5-Sangat setuju”. Instrumen kompetensi kewangan diadaptasikan daripada Alya *et al.* (2015) yang mengkaji tentang kapabiliti kewangan dalam kalangan kanak-kanak. Dalam kajian ini, kompetensi kewangan dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu tahap rendah (<7), tahap sederhana (8-15) dan tahap tinggi (>16). Tujuan soalan kompetensi kewangan diberikan kepada responden adalah untuk melihat sejauh mana kefahaman dan amalan yang dilakukan sebelum dan selepas program kewangan dijalankan. Antara soalan yang diajukan, seperti “Saya sentiasa mengutamakan perkara yang penting dalam berbelanja.”, “Saya sangat mengambil berat tentang pengurusan kewangan.”, “Saya melatih diri untuk menguruskan kewangan dengan cekap.” dan “Saya sentiasa belajar untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pengurusan kewangan saya.”

Hasil Kajian

Latar belakang responden

Terdapat seramai 31 peserta yang terlibat dalam Program “Bijak Wang”. Jadual 1 menunjukkan peserta yang terlibat merupakan golongan pelajar yang berumur antara sembilan hingga 12 tahun. Kebanyakan peserta (35.4%) yang terlibat dalam kajian ini berumur 12 tahun.

Jadual 1: Maklumat Latar Belakang Responden

Latar Belakang Responden	N	Peratus (%)
Umur (tahun)		
9	8	25.9
10	7	22.6
11	5	16.1
12	11	35.4
Jantina		
Lelaki	16	51.6
Perempuan	15	48.4
Kedudukan dalam keluarga		
Sulung	3	9.7
Tengah	15	48.4
Bongsu	12	38.7
Tunggal	1	3.2
Pendapatan bulanan bapa		
RM 1000 < RM 2000	4	12.9
RM 2000 < RM 3000	15	48.4
RM 3000 < RM 4000	2	6.4
RM 4000 < RM 5000	6	19.4
Melebihi RM 5000	4	12.9
Pendapatan bulanan ibu		
Kurang daripada RM 1000	1	3.2
RM 1000 < RM 2000	16	51.6
RM 2000 < RM 3000	7	22.6
RM 3000 < RM 4000	2	6.4
RM 4000 < RM 5000	2	6.5
Melebihi RM 5000	3	9.6
Tahap pendidikan bapa		
Sekolah Rendah	1	3.2
Sekolah Menengah	10	32.3
Kolej/ Universiti	20	64.5
Tahap pendidikan ibu		
Sekolah Rendah	1	3.2
Sekolah Menengah	9	29.1
Kolej/ Universiti	21	67.7
Penjaga utama		
Ibu/ Bapa	27	87.1
Datuk / Nenek	3	9.7
Kakak/Abang	1	3.2

Dari segi jantina pula, lebih daripada satu perdua responden terdiri daripada peserta lelaki berbanding dengan peserta perempuan, iaitu sebanyak 48.4 peratus. Kebanyakan responden atau 48.8 peratus merupakan anak tengah

dalam keluarga dan diikuti kedudukan anak bongsu, iaitu sebanyak 38.7 peratus. Manakala maklumat latar belakang responden juga mengambil kira pendapatan ibu dan bapa. Sebanyak 48.4 peratus bapa peserta mempunyai pendapatan bulanan antara RM1000 hingga RM2000 diikuti sebanyak 19.4 peratus berpendapatan antara RM3000 hingga RM5000 sebulan. Bagi pendapatan ibu pula, sebanyak 51.6 peratus ibu peserta mempunyai pendapatan antara RM1000 hingga RM2000 sebulan, dan diikuti oleh sebanyak 22.6 peratus mempunyai pendapatan bulanan antara RM2000 hingga RM3000. Hasil analisis juga menunjukkan lebih daripada dua pertiga ibu bapa responden mempunyai tahap pendidikan peringkat universiti. Hal ini menunjukkan kebanyakan ibu bapa responden mempunyai tahap pendidikan yang tinggi. Majoriti atau 87.1 peratus responden tinggal bersama-sama ibu bapa mereka dan diikuti oleh datuk dan nenek, iaitu sebanyak 9.7 peratus.

Literasi kewangan

Taburan respon bagi soalan yang berkaitan dengan literasi kewangan ditunjukkan dalam Jadual 2. Peserta ditanyakan soalan berkaitan dengan pengetahuan mereka mengenai wang sebagai sumber terhad. Kajian mendapati terdapat perubahan yang ketara dari segi pengetahuan responden mengenai perkara ini, di mana peratusan responden yang dapat menjawab dengan betul untuk soalan ini selepas mengikuti program iaitu 93.5 peratus lebih tinggi berbanding dengan sebelum mengikuti program, iaitu sebanyak 67.7 peratus. Soalan yang seterusnya adalah mengenai ciri-ciri wang adalah salah satu ciri yang mudah dibahagi. Sebilangan kecil sahaja responden atau 22.6 peratus menjawab dengan tepat untuk soalan ini sebelum mengikuti program berbanding dengan selepas mengikuti program, iaitu sebanyak 93.5 peratus. Kajian mendapati pemahaman peserta mengenai konsep keperluan dan kehendak lebih baik selepas mereka mengikuti program. Soalan yang seterusnya adalah mengenai matlamat kewangan. Sebilangan kecil sahaja responden yang dapat menjawab dengan betul sebelum mengikuti program untuk soalan matlamat seseorang tidak perlu jelas, iaitu sebanyak 48.4 peratus. Terdapat peningkatan yang ketara daripada segi peratusan peserta yang dapat menjawab dengan betul untuk soalan ini selepas mereka mengikuti program, iaitu sebanyak 90.3 peratus. Hal ini bermakna selepas program dijalankan, responden faham bahawa matlamat seseorang itu harus jelas demi untuk mencapai apa yang diinginkan. Selain itu, pemahaman tentang perbelanjaan adalah salah satu pengetahuan asas yang harus diketahui oleh responden. Hasil kajian mendapati hanya 25.8 peratus sahaja responden yang menjawab dengan betul bagi soalan perbelanjaan iaitu “Perbelanjaan terbahagi kepada dua iaitu belanja tetap dan belanja berubah.” Hal ini membuktikan bahawa sebelum mengikuti program responden tidak mengetahui bahawa terdapat dua jenis perbelanjaan. Begitu juga pada bahagian soalan mengenai insuran, terdapat perbezaan yang ketara antara

pengetahuan peserta sebelum (54.5%) dan selepas mengikuti program (96.8%).

Jadual 2: Taburan Literasi Kewangan Responden (n=31)

Bil.	Pernyataan	Peratus (%) responden yang memberi jawapan betul	
		Pra	Pasca
1.	Wang bukan merupakan sumber yang terhad. (SALAH)	67.7	93.5
2.	Mudah dibahagi merupakan salah satu ciri-ciri wang. (BETUL)	22.6	93.5
3.	Nombor siri bukan merupakan ciri keselamatan wang. (SALAH)	74.2	83.9
4.	Mata wang Malaysia dikeluarkan oleh Maybank. (SALAH)	64.5	93.5
5.	Keperluan dan kehendak adalah sama bagi semua orang. (SALAH)	35.5	96.8
6.	Kehendak adalah sesuatu perkara yang perlu ada pada setiap manusia untuk terus hidup. (SALAH)	58.1	90.3
7.	Kehendak manusia terbatas dan mudah dipenuhi. (SALAH)	41.9	64.5
8.	Keperluan untuk orang dewasa berbeza dengan keperluan untuk kanak-kanak. (SALAH)	41.9	77.4
9.	Tiada tempoh masa untuk mencapai matlamat kewangan. (SALAH)	71.0	83.9
10.	Matlamat kewangan semua orang adalah sama. (SALAH)	58.1	90.3
11.	Matlamat kewangan tidak melibatkan perancangan dan pengurusan kewangan. (SALAH)	58.1	80.6
12.	Matlamat kewangan seseorang tidak perlu jelas. (SALAH)	48.4	90.3
13.	Rumah merupakan institusi penyimpanan deposit wang yang paling selamat. (SALAH)	67.7	100.00
14.	Di Malaysia kita hanya mempunyai sistem perbankan Islam sahaja. (SALAH)	51.6	96.8
15.	Semua bentuk pelaburan memberikan keuntungan. (SALAH)	35.5	87.1
16.	Pelaburan berisiko tinggi mempunyai pulangan yang rendah. (SALAH)	48.4	90.3
17.	Bajet ialah rancangan pembelian. (BETUL)	77.4	100

Jadual 2 (sambungan)

Bil.	Pernyataan	Peratus (%) responden yang memberi jawapan betul	
		Pra	Pasca
18.	Perbelanjaan terbahagi kepada dua iaitu belanja tetap dan belanja berubah. (BETUL)	25.8	90.3
19.	Kanak-kanak tidak perlu merancang perbelanjaan. (SALAH)	80.6	93.5
20.	Bajet merupakan salah satu cara untuk mengawal perbelanjaan. (BETUL)	74.2	96.8
21.	Semua bentuk risiko boleh mendapat perlindungan insurans atau takaful. (SALAH)	51.6	83.9
22.	Takaful dan insurans adalah sama. (SALAH)	54.5	96.8
23.	Insurans atau takaful adalah percuma. (SALAH)	38.7	96.8
24.	Insurans atau takaful hanya memberi perlindungan kepada orang dewasa sahaja. (SALAH)	80.6	83.9
25.	Kad kredit dan kad debit adalah sama. (SALAH)	64.5	87.1
26.	Semakin lama kita meminjam semakin baik. (SALAH)	83.0	100.00
27.	Hutang terbahagi kepada dua iaitu hutang baik dan hutang lapuk. (BETUL)	67.7	96.8
28.	Hutang atau pinjaman tidak perlu dibayar. (SALAH)	96.8	96.8

Tingkah laku kewangan

Jadual 3 menunjukkan tingkah laku kewangan responden. Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden mempunyai tabung sendiri di rumah, iaitu dengan nilai purata 4.68 berbanding dengan sebelum program dijalankan, iaitu 3.71. Bagi item merancang perbelanjaan, purata yang diperoleh sebelum program dijalankan ialah 4.00 berbanding dengan selepas program dilaksanakan, iaitu 4.32. Walaupun peningkatan yang tidak ketara pada item ini, ia secara tidak langsung meningkatkan amalan perbelanjaan responden dalam merancang perbelanjaan mereka sendiri. Manakala, bagi item mengetahui jumlah simpanan terkini mempunyai perbezaan min antara sebelum dengan selepas mengikuti program. Responden didapati lebih peka dan ambil tahu mengenai baki simpanan terkini mereka selepas mengikuti program dengan nilai purata yang dicatatkan ialah 4.35 berbanding dengan sebelum mengikuti program, iaitu 3.35. Selain itu juga, untuk menjadi

pengguna dan pembeli yang bijak, soalan seperti membeli barangan yang telah disenaraikan sahaja ditanya untuk menguji sejauh mana amalan itu dilakukan. Kajian mendapati hanya segelintir sahaja responden yang menyenaraikan barangan yang ingin dibeli sebelum mereka mengikuti program dengan purata sebanyak 2.52. Walau bagaimanapun, selepas mengikuti program terdapat perubahan tingkah laku dan amalan peserta untuk membeli barang yang telah disenaraikan sahaja dengan purata 4.68. Melalui program “Bijak Wang” ini para peserta diajar untuk menyenaraikan barangan yang perlu atau penting dan bukan kemahuan semata-mata. Tingkah laku responden iaitu purata sebanyak 4.52 purata yang diperoleh dalam membuat kerja sambilan untuk mendapatkan wang. Hal ini kerana responden telah didedahkan bagaimana untuk mendapatkan sesuatu perkara atau imbuhan iaitu dengan melakukan sesuatu pekerjaan.

Jadual 3: Taburan Tingkah Laku Kewangan Responden (n=31)

Bil.	Pernyataan	Purata	
		Pra	Pasca
1.	Merancang perbelanjaan saya.	4.00	4.32
2.	Menyemak dan menilai perbelanjaan saya.	4.26	4.26
3.	Menyimpan lebih daripada wang saku diterima.	3.94	4.39
4.	Mempunyai matlamat kewangan dan berusaha mencapainya.	4.23	4.94
5.	Mengetahui jumlah simpanan terkini.	3.35	4.35
6.	Mempunyai tabung simpanan sendiri di rumah.	3.71	4.68
7.	Mendapatkan maklumat tentang kewangan daripada ibu bapa.	3.71	4.23
8.	Berbincang dengan ibu bapa sebelum membuat sebarang pembelian.	3.87	4.23
9.	Membuat perbandingan harga sebelum membuat pembelian.	3.45	4.58
10.	Menyediakan senarai barangan yang ingin dibeli sebelum membuat pembelian.	3.90	4.19
11.	Membeli barangan seperti yang telah disenaraikan sahaja.	3.52	4.68
12.	Menyimpan resit pembelian.	3.65	3.90

Jadual 3 (sambungan)

Bil.	Pernyataan	Purata	
		Pra	Pasca
13.	Berbincang dengan rakan-rakan mengenai pembelian yang telah dibuat.	2.90	3.39
14.	Menyimpan duit untuk membeli barangan yang diimpikan.	4.35	4.10
15.	Membeli barangan seperti yang dimiliki oleh rakan.	2.42	2.68
16.	Membeli barangan seperti yang diiklan di media.	2.42	2.55
17.	Membantu ibu bapa atau melakukan kerja sambilan untuk mendapatkan wang.	3.42	4.52

Nota: Skala dari 1 (Sangat Tidak Setuju) hingga 5 (Sangat Setuju)

Kompetensi kewangan

Bahagian ini membincangkan tentang kompetensi kewangan dalam kalangan responden yang menyertai program. Bahagian ini merangkumi 10 item seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4. Hasil analisis menunjukkan responden bersetuju dengan pernyataan “Saya sentiasa mengutamakan perkara yang penting dalam berbelanja.” selepas program dijalankan, iaitu nilai purata yang dicatatkan adalah sebanyak 4.39. Seterusnya, nilai purata yang dicatatkan untuk item “Menguruskan kewangan dengan baik.” adalah 3.45 sebelum peserta menyertai program berbanding dengan selepas mereka menyertai program, iaitu 4.29. Selain mengurus kewangan dengan baik, kemahiran dalam pengurusan hendaklah selari dengan setiap perkara dilakukan. Kemahiran pengurusan kewangan peserta dilihat lebih baik berbanding dengan sebelum mereka menyertai program “Bijak Wang”. Hal ini kerana nilai purata yang diperolehi sebelum menyertai program adalah sebanyak 2.90 berbanding dengan selepas mereka menyertai program, iaitu 4.23. Kajian turut mendapati bahawa peserta berasa lebih yakin untuk mengurus kewangan mereka selepas mengikuti program ini, di mana nilai purata yang dicatatkan sebelum mereka menyertai program adalah sebanyak 2.74 berbanding dengan selepas mereka mengikuti program ini, iaitu 4.55. Berdasarkan dapatan kajian ini, jelas menunjukkan bahawa kompetensi kewangan dalam kalangan peserta bertambah lebih baik selepas mereka menyertai program “Bijak Wang”.

Jadual 4: Taburan Kompetensi Kewangan Responden (n=31)

Bil.	Pernyataan	Purata	
		Pra	Pasca
1.	Saya sentiasa mengutamakan perkara yang penting dalam berbelanja.	2.87	4.39
2.	Saya sentiasa yakin dengan setiap keputusan pembelian yang dibuat.	3.03	4.29
3.	Saya sentiasa mengurus kewangan dengan baik.	3.45	4.29
4.	Saya sangat mengambil berat tentang pengurusan kewangan.	3.23	4.19
5.	Saya mempunyai kemahiran mengurus wang yang baik.	2.90	4.23
6.	Saya membuat perancangan yang sistematik untuk menguruskan wang.	3.42	4.39
7.	Saya melatih diri untuk menguruskan kewangan dengan cekap.	2.97	4.39
8.	Saya mempunyai cara atau kaedah tertentu untuk mengurus kewangan saya.	3.35	4.10
9.	Saya yakin dengan cara pengurusan kewangan saya.	2.74	4.55
10.	Saya sentiasa belajar untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pengurusan kewangan saya.	3.03	4.55

Nota: Skala dari 1 (Sangat Tidak Setuju) hingga 5 (Sangat Setuju)

Kesimpulan

Kualiti dalam pendidikan kewangan adalah salah satu aspek penentu keberkesannya sesuatu pembelajaran yang disampaikan. Keputusan kewangan yang telah dibuat bermula pada awal usia kanak-kanak boleh memberi kesan terhadap kesejahteraan kewangan kanak-kanak pada masa hadapan. Oleh itu, apa-apa yang dilalui dan dipelajari kanak-kanak mengenai kewangan sepanjang kehidupannya boleh mempengaruhi tahap pengetahuan serta cara pengurusan kewangannya. Perkembangan pemahaman kanak-kanak dalam konsep ekonomi dan kewangan adalah melalui kemajuan peringkat pembangunan.

Berdasarkan dapatan kajian, dapat dirumuskan bahawa program pendidikan kewangan dapat memberi perubahan yang positif kepada responden dari segi literasi kewangan, tingkah laku kewangan dan kompetensi kewangan. Hal ini dapat dilihat dari segi penilaian yang dilakukan, iaitu sebelum program

dijalankan dan selepas program dijalankan. Pemikiran dan tingkah laku kanak-kanak dapat dibentuk dan mudah dibentuk bermula seawal usia agar mudah untuk mempraktikannya sepanjang hayat.

Hasil kajian ini dapat membantu beberapa pihak bagi meningkatkan kemahiran pengurusan kewangan. Kajian ini mempunyai potensi yang penting dalam membantu kanak-kanak mempelajari tentang konsep kewangan. Antara cara yang boleh dilaksanakan adalah melalui penglibatan kanak-kanak secara terus dalam perkhidmatan kewangan yang disediakan di mana-mana bank. Sebagai contoh, pihak sekolah atau ibu bapa boleh membuka satu akaun khas bagi setiap murid mahupun anak dan didedahkan dan merasai sendiri bagaimana untuk menyimpan duit di bank. Hal ini secara tidak langsung dapat memupuk amalan menyimpan dalam diri kanak-kanak dan perkara ini mendatangkan kebaikan apabila mereka dewasa kelak. Kanak-kanak akan lebih bermotivasi untuk belajar menyimpan kerana mereka mempunyai pengalaman menyimpan wang sendiri di bank dan berasa seronok apabila melihat wang mereka dalam akaun semakin bertambah. Hasil kajian lepas mendapati kompetensi kewangan kanak-kanak meningkat apabila mereka mendapat pendidikan kewangan yang disertai dengan penglibatan secara terus dalam perkhidmatan kewangan (Sherraden *et al.*, 2011). Langkah ini mungkin penting bagi kanak-kanak yang kurang pendedahan mengenai kewangan.

Selain itu juga, hasil kajian ini juga dapat membantu usaha kerajaan dan juga Kementerian Pendidikan Malaysia dalam usaha bantu meningkatkan kemahiran pengurusan kewangan dalam kalangan rakyat Malaysia, terutamanya kanak-kanak. Antara langkah yang boleh dilaksanakan adalah dengan mewujudkan sistem pendidikan kewangan yang formal di setiap sekolah dan memperbanyak program berkaitan kewangan secara pendidikan tidak formal agar ia menarik minat peserta untuk menyertainya. Hal ini kerana sekolah ialah landasan yang terbaik kerana kebanyakan kanak-kanak pergi ke sekolah. Pendidikan kewangan ini mungkin boleh dimasukkan dalam mata pelajaran yang sesuai seperti Matematik atau mengambil guru yang pakar dalam bidang kewangan. Menurut NFCE (2011), kanak-kanak sememangnya mempunyai sedikit pengalaman menguruskan kewangan, tetapi dengan adanya pendidikan pengurusan kewangan, ia akan menguatkan dan menambahkan lagi pengetahuan kewangan yang sedia ada.

Walau bagaimapapun, kajian ini mempunyai beberapa limitasi, terutamanya dari segi bilangan sampel yang tidak besar dan hanya memfokuskan pada satu kawasan sahaja. Bagi kajian yang akan datang, bilangan saiz sampel mengikut beberapa negeri atau sekolah mungkin boleh ditambah dan dikembangkan ke Sabah dan Sarawak untuk mendapatkan data yang lebih

kukuh bagi mengenal pasti tahap kompetensi kewangan kanak-kanak di Malaysia.

Kesimpulannya, usia tidak pernah menjadi penghalang untuk seseorang individu mempelajari sesuatu perkara dan melatih diri untuk menguruskan kewangan. Hal ini lebih baik berbanding dengan seorang penghutang dan mengalami kebangkrutan pada usia yang muda apabila dewasa kelak. Melalui kemahiran pengurusan kewangan dan pendidikan kewangan, tidak mustahil bagi kanak-kanak sekarang membesar sebagai individu yang mahir menguruskan kewangannya dan masalah seperti kebangkrutan mungkin dapat dibendung.

Rujukan

Bernheim, B.D. & Garrett, D.M. (2003). The Effects of Financial Education in the Workplace: Evidence from a Survey of Households. *Journal of Public Economics*, 87(7/8), 1487-1519.

Bernheim, B.D., Garrett, D.M., & Maki, D.M. (2001). Education and saving: the long-term effects of high school financial curriculum mandates. *Journal of Public Economics*, 80(3), 435-465.

Ali, A., Batra, D.K., Ravichandran, N., Zuhaib, M., & Rehman, S.U. (2012). Consumer socialization of children: a conceptual framework. *International Journal of Scientific and Research Publication*, 2(1), 1-5.

Dotson, M.J. & Hyatt, E.M. (2005). Major influence factors in children's consumer socialization. *Journal of Consumer Marketing*, 22(1), 35-42.

Elliot III, W. (2012). Ideas for refining children's savings account proposal. *New America Foundation/Washington University, Center for Social Development, Washington, DC/St. Louis, MO*, 1-11.

Fazli, M.S, Jariah, M. (2012). Determinants of college students' financial behavior and problem. *Archives Des Science*, 65(7).

Friedman, W. (2000, July). The development of children's knowledge of the times of future events. *Child Development*, in Kim, J. & Chatterjee, S. (2013). Childhood financial socialization and young adults' financial management. *Financial Counseling and Planning Education*, 24(1), 61-79.

Holden, K., Kalish, C., Scheinholtz, L., Dietrich, D., & Novak, B. (2009). Financial literacy programs targeted on pre-school children: Development and evaluation. *Credit Union National Association*, 2-46.

JumpStart Coalition for Personal Financial Literacy (2007). National Standards in K-12 Financial Education with Benchmarks, Knowledge Statements and Glossary. Washington, D.C.: JumpStart Coalition. Dimuat turun daripada http://www.jumpstart.org/national_standersK12.html education for young children.

Kim, J. & Garman, E.T. (2003). Financial education and advice changes worker attitudes and behaviors. *Journal of Compensation and Benefits*, 19(5), 7-13.

Jorgensen, B.L. & Savla, J. (2010). Financial literacy of young adults: the importance of parental socialization. *Family Relations*, 59, 465–478. doi:10.1111/j.1741-3729.2010.00616.x

Johnson, E. & Sherraden, M.S (2006). From financial literacy to financial capability among youth. *Journal of Sociology and Social Welfare*, 34(3), 119-145.

Kim, J. & Chatterjee, S. (2013). Childhood financial socialization and young adults' financial management. *Financial Counseling and Planning Education*, 24(1), 61-79.

Mohd. Fazli, S., MacDonald, M., Hira, T.K., & Jariah, M. (2010). Childhood consumer experience and the financial literacy of college students in Malaysia. *Family and Consumer Sciences Research Journal*, 38(4), 455-467.

Mohd. Fazli, S., MacDonald, M., & Masud, J. (2012). Determinants of college students' financial behavior and financial problem. *Archives Des Sciences Journal*, 65(7), 268-277.

National Financial Educators Council (NFEC), (2011). *Financial literacy programs and education for young children*.

National Endowment for Financial Education. 2002. Financial Literacy in America: Individual Choices, National Consequences. The State of Financial Literacy in America—Evolution and Revolutions. *National Symposium sponsored by NEFE*.

Norvilitis, J.M., Merwin, M.M., Osberg, T.M., Roehling, P.V., Young, P., & Kamas, M.M. (2006). Personality factors, money attitudes, financial knowledge and credit card debt in college students. *Journal of Applied Social Psychology*, 36, 1395–1413.

OECD. (2005). *Improving Financial Literacy: Analysis of Issues and Policies*. Dimuat turun daripada http://www.oecd.org/document/28/0,3343,en_2649_15251491_35802524_1_1_1_1,00.html

Oyewole, P., Peng, K.C., & Choudhury, P.K. (2010). Children's influence on parental purchase decisions in Malaysia. *Innovative Marketing*, 6(4), 8-16.

Pritchard, M.E., Myers, B.K., & Cassidy, D. (1989). Factors associated with adolescent saving and spending patterns. *Adolescence*, 24(95), 711-723.

Sherraden, M.S., Johnson, L., Guo, B., & Elliott, W. (2011). Financial capability in children: effects of participation in a school-based financial education and savings program. *Journal of Family and Economic Issues*, 32(3), 385-399.